

Kit Siang pelawa Dr. Mahathir debat

WA - 14 JUN 2004

IPOH 13 Jun – Pemimpin pembangkang Lim Kit Siang hari ini mempelawa bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil bahagian dalam debat awam mengenai isu negara Islam.

Lim yang juga anggota Parlimen Ipoh Timur berkata, beliau akan menghantar jemputan rasmi kepada Dr. Mahathir dalam beberapa hari lagi mengenai debat itu.

“Berdasarkan perlembagaan dan kontrak sosial,

Malaysia ialah sebuah negara demokratik sekular dengan Islam agama rasminya. Malaysia tidak boleh dianggap negara Islam mengikut mana-mana definasi atau mengikut mana-mana deklarasasi,” kata beliau kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin DAP peringkat persekutuan dan negeri, di sini hari ini.